

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

24. Perincikan kajian Kerajaan Negeri tentang aduan rakyat terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan permasalahannya pada hari mengundi.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Terdapat 5 aduan utama oleh rakyat atau pengundi pada hari pengundian yang lalu seperti berikut:
- (a) Terdapat beberapa kes di mana kad pengenalan pengundi telah digunakan lebih awal oleh orang lain menyebabkan pengundi asal tidak dibenarkan mengundi pada hari tersebut.
  - (b) Semakan daftar pemilih pada hari pengundian terlalu lambat atau perlahan oleh petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyebabkan berlaku *queue* yang panjang untuk mengundi.
  - (c) Kesilapan petugas SPR meletakkan *sticker* untuk Parlimen serta diisi dengan kertas Dewan Undangan Negeri (DUN) dan menyebabkan berlaku kekeliruan kepada pengundi.
  - (d) Tempat pembuangan undi berada di tingkat atas bangunan atau sekolah menyebabkan kesusahan pada golongan

kurang upaya dan warga emas.

- (e) Kawasan tempat mengundi dinaiki air akibat banjir kilat pada hari pengundian menyebabkan proses pengundian tertangguh.